

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 10 OGOS 2020

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini atas pindaan direktif 23 Majlis Keselamatan Negara berkenaan hak orang pelarian dan pemohon suaka di Malaysia serta isi kandungan yang dicadangkan.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Proses pengemaskinian dan semakan semula Arahan MKN No. 23: “Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR”, yang dikeluarkan pada tahun 2009 serta dasar – dasar lain sedia ada sedang dilaksanakan dan diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

2. Matlamat utama penambahbaikan ini adalah untuk meningkatkan lagi pengurusan pelarian di Malaysia dan dalam masa yang sama memastikan Kerajaan memainkan peranan utama dalam menentukan status pelarian dan pemohon suaka di dalam negara yang sebelum ini dilaksanakan oleh pihak UNHCR.

3. Dasar – dasar sedia ada negara ke atas pelarian yang memegang kad Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (Kad UNHCR) termasuk etnik Rohingya, Myanmar adalah seperti berikut:

- (i) Bebas bergerak dan tidak ditahan melainkan terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang – undang negara. Walau bagaimanapun, pelarian ini hanya dibenarkan untuk berada di Semenanjung Malaysia sahaja. Ini kerana kad UNHCR bukanlah dokumen perjalanan yang sah;
- (ii) Tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan *prinsip ‘non-refoulement’* melainkan secara sukarela (*voluntary return*). “Pelarian” tersebut perlu membuktikan bahawa nyawa mereka terancam sekiranya dihantar pulang ke negara asal. Walaubagaimanapun, pelarian akan dihantar

pulang sekiranya individu pelarian tersebut memberikan ancaman kepada keselamatan negara;

- (iii) Kemudahan untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan ditanggung oleh Kerajaan sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat;
- (iv) Mendapat akses kepada kemudahan pendidikan di sekolah swasta yang dikendalikan oleh pihak NGO, komuniti pelarian dan UNHCR; dan
- (v) Bekerja dalam sektor tidak formal seperti bekerja sendiri bagi tujuan sara hidup.

4. Walau bagaimanapun, hak-hak dan keistimewaan tersebut bukanlah suatu hak yang mutlak. Ia diberikan oleh Kerajaan Malaysia atas dasar kemanusiaan dan berdasarkan '*case by case basis*' selaras dengan perundangan, peraturan dan dasar yang berkuat kuasa. Sekiranya pelarian ini terlibat dalam sebarang aktiviti jenayah, tiada perlindungan akan diberikan kerana mereka juga tertakluk kepada semua undang-undang negara yang berkuat kuasa. Kerajaan juga akan meneliti dan menambahbaik setiap dasar dan polisi sedia ada agar ianya selari dan bertepatan dengan amalan yang disyorkan oleh badan – badan antarabangsa yang berkaitan serta berdasarkan kepada kemampuan semasa negara.

Sekian, terima kasih.